

Selaras harga barangan mentah, perkhidmatan di semua negeri

KUALA LUMPUR 29 Dis. -Masalah ekonomi yang dihadapi rakyat hari ini boleh ditangani sekiranya kerajaan menyelaraskan harga barangan mentah dan perkhidmatan di semua negeri mengikut piawaian yang ditetapkan.

Pensyarah Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia (UUM), **Prof. Datuk Dr. Amir Hussin Baharuddin** berkata, tindakan mengawal selia harga keperluan barangan harian dan perkhidmatan tanpa membezakan kawasan merupakan langkah terbaik dalam membantu masyarakat daripada terus dihipit masalah ekonomi.

Katanya, penyelarasan itu boleh dipecahkan kepada dua jenis harga iaitu harga luar bandar dan harga bandar.

"Sebagai contoh, perbezaan harga antara kawasan bandar dan luar bandar ialah kira-kira 20 peratus sahaja kerana pendapatan penduduk bandar masih belum mencapai tahap mewah yang membolehkan peniaga meletakkan harga tinggi," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Beliau mencadangkan mekanisme terbaik meningkatkan penda-

patan rakyat berikutan kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi mengenai penubuhan sebuah jawatankuasa peringkat tertinggi bagi membincangkan pandangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengenai kos sara hidup.

Tambah Amir Hussin, kerajaan juga boleh menjalankan penangguhan atau 'moratorium' dengan menghentikan semua kenaikan harga barangan dalam jangka masa tertentu.

"Sepanjang tempoh pelaksanaan tersebut, kerajaan akan dapat mengenal pasti harga barangan mana yang perlu dinaikkan dan harga barangan mana yang perlu dikekalkan," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Jabatan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Madya Dr. Rusmawati Said** berkata, rakyat perlu mengurangkan kebergantungan barangan import yang mempunyai nilai lebih tinggi kerana tidak setanding dengan gaji bulanan mereka.

Sebaliknya kata beliau, penggunaan barangan dan perkhidmatan dalam negara akan dapat membantu meningkatkan aliran mata wang sekali gus mengurangkan inflasi.